



PERGAS

جمعية العلماء ومدرسي الإسلام في سنغافورة

**PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)
SINGAPORE ISLAMIC SCHOLARS & RELIGIOUS TEACHERS ASSOCIATION**

KENYATAAN MEDIA

27 Apr 2013 (16 Jumadilakhir 1434H)

KEKESALAN DENGAN PEMBUNUHAN KEJAM BERAMAI-RAMAI MASYARAKAT MUSLIM DI RAKHIN, MYANMAR

Persatuan Ulama & Guru-Guru Agama Islam Singapura (PERGAS) membantah keras tindakan sekumpulan pelampau di Myanmar dengan tindakan penghapusan etnik terancang ke atas umat Islam di Rakhine, Myanmar. Kegagalan berulang kali pasukan keselamatan Myanmar untuk memberi perlindungan yang diperlukan kepada masyarakat Rakhin adalah tidak sejajar dengan pembaharuan demokrasi yang dilaungkan.

2. Adalah amat menyedihkan lagi dan tidak dapat diterima, apabila laporan 'Pemerhati Hak Asasi Manusia Antarabangsa' (International Human Rights Watch) bertarikh 22 Apr, melaporkan bahawa pasukan keselamatan Myanmar membiarkan perbuatan kejam dan berdiam diri ketika serangan kumpulan pelampau agama menyerang penempatan Muslim, sebelum menanam timbunan mayat beramai-ramai, dengan ada yang masih terikat tangan ke belakang ke dalam satu kubur.

3. Usaha untuk meminggirkan masyarakat Muslim Rohingya di Myanmar adalah bertentangan dengan asas-asas prinsip demokrasi dan mencabul hak asasi manusia sejagat. Sekalian penganut agama hendaklah memastikan terdapat keharmonian dalam masyarakat berbilang agama, dan mengekang sebarang diskriminasi kaum. Prinsip kepelbagaian etnik, budaya dan agama perlu dipertahankan.

4. Tindakan tegas perlu diambil keatas mana-mana individu 'cauvinis', media berpihak mahupun mana-mana parti politik yang menyebarkan ucapan kebencian yang boleh membawa kepada keadaan menakutkan dan cemas kepada etnik Rohingya di kalangan penduduk dominan Buddha di Myanmar.

5. PERGAS dengan ini menggesa pemerintah Myanmar, agar atas dasar membangun keharmonian dalam ASEAN, dapat berlaku jujur dengan janji-janji pembaharuan demokrasi dan perlindungan hak-hak masyarakat minoriti. PERGAS juga menggesa agar pemimpin-pemimpin politik dan pertubuhan masyarakat sivil di Myanmar agar menggunakan keberanian politiknya untuk mengembalikan semula keadaan aman dan perdamaian antara rumpun etnik yang berbeza, serta memastikan bahawa kejadian penghapusan etnik masyarakat minoriti Muslim di Rakhin dapat dihentikan dengan segera dan serta merta.

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM SINGAPURA (PERGAS)